



## SIARAN MEDIA KERAJAAN NEGERI PERLIS

### PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN SECARA BERSASAR (TEMCO) DI KUALA SANGLANG PERLIS

---

- (1) Kerajaan Negeri Perlis menerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perlis berkenaan dengan COVID-19 pada hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Bersasar atau *Targeted Enhanced Movement Control Order* (TEMCO) di dua (2) kawasan yang telah dikenalpasti di Sanglang iaitu di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul selama 28 hari mulai 8 Ogos 2020 jam 10.00 malam sehingga 4 September 2020;
- (2) Pelaksanaan TEMCO ini dibuat selepas mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengambil kira bilangan kes aktif COVID-19 di kawasan berkenaan. Pengisytiharan ini dibuat bagi membolehkan aktiviti pengesanan yang telah dimulakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perlis sejak 7 Ogos 2020 dilaksanakan dengan lebih berkesan di kedua-dua kampung terbabit;
- (3) Penduduk di kawasan TEMCO dipohon supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa kerana pelaksanaan TEMCO akan menggunakan *Standard Operating Procedure* (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedia ada dengan tambahan kepada pelaksanaan Sekatan Jalan Raya (SJR) di setiap laluan keluar masuk ke kawasan TEMCO. Orang awam yang berada di luar kawasan TEMCO tidak dibenarkan masuk kecuali mereka yang terlibat dengan memberikan perkhidmatan perlu (*essential services*). Senarai perkhidmatan perlu adalah seperti dilampirkan (A);

- (4) Para penduduk di kedua-dua kampung dipohon supaya mematuhi arahan kuarantin di rumah (*Home Isolation Order*) yang telah dikeluarkan kepada penduduk setelah menjalani ujian saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan Sanglang;
- (5) Sepanjang tempoh arahan kuarantin di rumah, Ketua Isi Rumah adalah dibenarkan untuk keluar dari rumah bagi membeli barang keperluan harian sementara menunggu seluruh ahli isi rumah memperolehi arahan pelepasan (*Release Order*) oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perlis. Arahan pelepasan (*Release Order*) akan dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri selepas keputusan ujian saringan COVID-19 didapati negatif. Keputusan ujian saringan akan dijangka diperolehi tidak melebihi empat (4) hari daripada tarikh ujian saringan dilaksanakan; dan
- (6) Kerajaan Negeri amat prihatin akan kesulitan yang dialami dan akan menyalurkan bantuan kepada penduduk di kedua-dua kampung yang terlibat. Kerajaan Negeri menyarankan kepada seluruh rakyat Negeri Perlis supaya terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan serta mengamalkan pembudayaan norma baharu menggunakan pendekatan Cegah, Amalkan, Patuhi dan Pantau (CAPP).

Sekian, terima kasih.

## **KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Kangar

8 Ogos 2020

## LAMPIRAN A

### SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*) BAGI TUJUAN PELAKSANAAN TEMCO

1. Makanan;
2. Air;
3. Tenaga (Gas, Bahan Api, Elektrik, Minyak, Pelincir, & sebagainya);
4. Telekomunikasi;
5. Keselamatan & Pertahanan;
6. Pengurusan sisa pepejal, pengairan, pembersihan awam & pembentungan;
7. Perubatan & penjagaan kesihatan;
8. Perbankan & kewangan;
9. Perkhidmatan Pos;
10. Kedai Runcit & Kedai Serbaneka yang menjual barangan keperluan harian; dan
11. Logistik kepada penyediaan perkhidmatan perlu.